Media sebelum ini melaporkan, pencemaran bau di Sungai Semenyih yang menjadi sumber air mentah bagi LRA Sungai Semenyih, kelmarin, menyebabkan loji rawatan itu terpaksa dihenti tugas.

### 377,141 pelanggan terjejas

Susulan itu, sebanyak 512 kawasan membabitkan sejumlah 377,141 pelanggan berdaftar di Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang, terkesan dengan gangguan bekalan air serta tekanan rendah.

Sementara itu, Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad, pula berkata LRA Sungai Semenyih yang dihenti tugas itu kembali beroperasi pada jam 6 pagi semalam.

### Salur bekalan air

Berikutan itu, beliau berkata, penyaluran bekalan air ke sistem agihan dan kolam perkhidmatan di kawasan terjejas, dilakukan bagi proses pemulihan berperingkat.

"Bantuan lori tangki air terus digerakkan dan 12 Pusat Khidmat Setempat (PKS) diaktif bagi menyalurkan bantuan kepada pengguna yang terjejas, sehingga bekalan pulih sepenuhnya.

"Segala usaha diambil bagi mempercepatkan proses pemulihan bekalan air di kawasan terjejas.

"Sila rujuk aplikasi telefon bimbit Air Selangor dan laman sesawang www.syabas.com.my bagi mendapatkan maklumat serta status terkini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **BERITA HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **MPK pergiat operasi banteras kilang haram** |
| **MUKA SURAT** | **66** |

# MPK pergiat operasi banteras kilang haram

**Klang:** Hanya tiga daripada 20 kilang yang diperiksa unit penguatkuasaan Majlis Perbandaran Klang (MPK), memiliki lesen dan mematuhi peraturan ditetapkan oleh majlis itu.

Yang Dipertuanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin, berkata empat operasi mengesan kilang haram dijalankan di Telok Gong dan Taman Perindustrian Air Hitam, oleh dua unit penguatkuasaan yang ditubuhkan dua minggu lalu.



*Mohamad Yasid Bidin*

**Pemeriksaan kilang**

"Sebanyak lima kilang diperiksa di Taman Perindustrian Air Hitam dan semuanya tidak memiliki lesen, manakala 15 kilang diperiksa di Telok Gong dengan hanya tiga berlesen.

"Saya terkejut dan kecewa apabila mendapati perkara ini berleluasa di daerah Klang.

"Kita tidak mahu bertangguh lagi dengan pemberian notis seperti sebelum ini," katanya selepas mesyuarat penuh MPK di Bangunan MPK, di sini, semalam.

Mohamad Yasid berkata, pemilik kilang mengambil mudah notis diberikan sebelum ini, kerana penguatkuasaan kurang dijalankan.

**Bina kilang baharu**

Malah, beliau berkata, lebih mengejutkan pihaknya apabila mendapati ada kilang baharu dibina di kawasan kilang terancang, tetapi beroperasi tanpa lesen daripada MPK.

"Setiap minggu ada saja kilang yang memohon lesen dan setiap kali mesyuarat pelesenan diadakan, kita akan meluluskan antara 40 hingga 50 lesen kilang.

"Justeru, kita tidak sangka masih banyak yang beroperasi tanpa lesen.

**Operasi tiga bulan**

"Kita akan melaksanakan operasi ini setiap hari selama tiga bulan dan berharap agar ia dapat menimbulkan kesedaran terhadap pemilik kilang, supaya segera memohon lesen daripada MPK jika tidak mahu dikompaun.

"Antara kompaun boleh dikenakan terhadap pemilik kilang ialah menduduki bangunan tanpa Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dengan nilai kompaun RM125,000; berniaga atau beroperasi tanpa lesen (RM1,000) dan bangunan tiada pelan merancang (RM25,000)," katanya.

Dalam pada itu, Mohamad Yasid berkata, dua unit penguatkuasaan terbabit disertai pelbagai jabatan dalaman MPK meliputi perancang, pembangunan, kesihatan, pelesenan serta penguat kuasa.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | BERITA HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Pejabat Sultan Selangor terima sijil ISO MBOR |
| MUKA SURAT | 63 |

# Pejabat Sultan Selangor terima sijil ISO MBOR

**Klang:** Pejabat Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, menerima pengiktirafan sebagai Pengurusan Istana pertama di negara ini yang memperoleh Pensijilan ISO 9001:2015 (Sistem Pengurusan Berkualiti) dari *Malaysia Book of Records (MBOR)*, semalam.

Kenyataan laman sosial Facebook rasmi Royal Selangor Office berkata, anugerah itu disampaikan wakil MBOR, Lee Poi Leng dalam satu majlis di Istana Alam Shah, Klang.

**Serah sijil**

Poi Leng menyerahkan sijil MBOR berkenaan kepada Datuk Pengelola Bijaya Diraja Pejabat Sultan Selangor, Datuk Zakaria Abdul Rahman.

Antara amalan dan kriteria pengurusan Pejabat Sultan Selangor yang diambil kira dalam memperoleh sijil berkenaan adalah kecemerlangan pengendalian lawatan ke istana, hal ehwal berkaitan upacara adat istiadat Diraja serta pengurusan dan penyediaan majlis bankuasi Diraja.

Pejabat Sultan Selangor sebelum ini turut menerima Pensijilan ISO 9001:2008 sebelum ia dinaik taraf kepada ISO 9001:2015 pada 10 November 2017.

**BERNAMA**

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | MPK laksana sister parkir berkupon di Pekan Meru |
| MUKA SURAT | 33 |

## MPK laksana sistem parkir berkupon di Pekan Meru

SINAR (33)

**KLANG** – Majlis Perbandaran Klang (MPK) akan menguatkuasakan Zon Letak Kereta Berkupon di Pekan Meru bermula 1 Julai ini.

Yang Dipertuanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, pelaksanaan sistem berkupon itu melibatkan 594 petak tempat kereta awam.

Menurutnya, kawasan terlibat antaranya Jalan Muafakat 1, Jalan Mahang 1, Susur Jalan Meru, Jalan Sutera 1, Jalan Kenangan dan Jalan Jelutong 1A.

"Penguatkuasaan ini dijalankan untuk memastikan petak letak kenderaan awam ini boleh digunakan oleh semua pihak kerana sebelum ini ada segelintir pihak yang menyalahgunakan kemudahan itu.

"Ada pengguna yang meletakkan kenderaan mereka dalam tempoh lama menyebabkan pengguna lain terpaksa meletakkan kereta mereka di bahu jalan sehingga menghalang laluan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Penuh MPK di Dewan Mesyuarat Raja Mahadi di sini semalam.

Mohamad Yasid berkata, beliau berharap orang ramai peka dengan pelaksanaan sistem itu dan berharap ia berjalan lancar.

"Orang ramai boleh mendapatkan kupon letak kereta daripada ejen-ejen yang dilantik atau menggunakan Aplikasi Smart Parking untuk membuat bayaran parkir kereta bagi mengelak dikenakan kompaun.

"Kita juga turut menyediakan van bergerak di kawasan terbabit bagi memudahkan orang ramai mendapatkan kupon letak kereta," katanya.




**Notis pemberitahuan mengenai penguatkuasaan Zon Letak Kereta Berkupon di Pekan Meru bermula Isnin depan.**

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Gerai Makan MPK bakal dirobohkan |
| MUKA SURAT | 33 |

## Gerai Makan MPK bakal dirobohkan

SINAR (33)

**KLANG** – Gerai Makan Majlis Perbandaran Klang (MPK) di Simpang Empat Teluk Pulai dan hadapan Econmart di sini akan dirobohkan bagi melaksanakan projek pelebaran jalan.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, pihaknya sudah menyerahkan notis pengosongan premis kepada peniaga terlibat.

Menurutnya, kesemua peniaga terbabit diarahkan berpindah selewat-lewatnya 30 Jun ini.

"Peniaga perlu mencari premis baharu untuk memulakan perniagaan mereka memandangkan gerai terbabit akan dirobohkan berikutan kerja-kerja pelebaran jalan di kawasan terbabit akan dilaksanakan kelak.

"Masing-masing faham dan akur dengan arahan ini kerana sudah banyak kali kita serahkan notis pengosongan kepada mereka," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar selepas menghadiri Mesyuarat Penuh MPK di Dewan Mesyuarat Raja Mahadi di sini semalam.



**Mohamad Yasid melihat keadaan Gerai Makan MPK di Simpang Empat Teluk Pulai yang bakal dirobohkan bagi projek pelebaran jalan.**

Beliau berkata, sehingga tempoh ditetapkan, peniaga masih dibenarkan menjalankan perniagaan.

"Seramai 14 peniaga di Gerai Makan MPK di Simpang Empat Teluk Pulai dan lima peniaga di gerai makan hadapan Econmart belum berpindah dan masih menjalankan perniagaan mereka.

"Bagaimanapun mereka sudah mempunyai premis perniagaan baharu dan hanya menunggu masa untuk berpindah," katanya.

Mohamad Yasid berkata, keadaan gerai makan terbabit terlalu uzur dan mengancam keselamatan orang ramai.

"Sudah lebih 20 tahun Gerai Makan MPK ini beroperasi dan keadaannya kini terlalu uzur, tidak selesa selain mengundang bahaya kepada pelanggan.

"Jadi kita putuskan untuk robohkan bangunan ini untuk memberi laluan kepada projek lain demi kesejahteraan masyarakat di kawasan terbabit," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Sultan Sharafuddin terima tajaan RM1.17 juta untuk TSSC 2019** |
| **MUKA SURAT** | **19** |

## Sultan Sharafuddin terima tajaan RM1.17 juta untuk TSSC 2019

SINAR (19)

**KLANG** - Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berkenan menerima penajaan bernilai RM1.17 juta untuk Piala Sultan Selangor (TSSC) 2019 yang dijadual diadakan di Stadium Shah Alam pada 24 Ogos depan.

Baginda menerima cek sumbangan itu daripada 15 syarikat termasuk Kerajaan Selangor dan syarikat berkaitan kerajaan negeri dalam satu majlis minum petang di Istana Alam Shah di sini semalam.

Hadir sama, Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo; Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari; Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Mohd Amin Ahmad Ahya dan Pengerusi Piala Sultan Selangor 2018, Tan Sri Abdul Karim Munisar.

Kerajaan Selangor menerusi Perbendaharaan Negeri dan syarikat berkaitan kerajaan negeri iaitu Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS); Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB); Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) Waste Management; Worldwide Holding Berhad, Pemerbadanan Menteri Besar (MBI); Splash Sdn Bhd dan Kumpulan Semesta menaja RM579,999.99

Tujuh lagi penaja adalah Kumpulan Tanjung Balai menyumbang RM380,000; Kingsley Seeds Foundation menyumbang RM50,000, manakala Ecoworld Development Group Berhad; Nirvana Memorial Park, Aiman Platinum Sdn Bhd, Everspring Land Sdn Bhd dan Setia Awam Group masing-masing memberi tajaan bernilai RM50,000.

Sementara itu, sebuah kereta Honda City berharga RM80,000 daripada syarikat Tanjung Balai dan sebuah motosikal Harley Davidson 883 IRON bernilai RM80,000 sumbangan Rasniaga Sdn Bhd disediakan untuk hadiah utama sesi cabutan bertuah.



Sultan Sharafuddin (tengah) berkenan menerima jersi rasmi perlawanan TSSC 2019 yang diserahkan oleh Abd Karim Munisar (kiri) pada Majlis Penyerahan Cek Sumbangan TSSC 2019 di Istana Alam Shah semalam. Turut sama Amirudin (kanan).

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Selangor teroka industri aeroangkasa |
| MUKA SURAT | 19 |

# Selangor teroka industri aeroangkasa

SINAR (19)

***Kini dalam proses perbincangan dengan syarikat Airbus***

NURHIDAYAH HAIROM

**PETALING JAYA**




**Amirudin (empat dari kanan) menyempurnakan majlis pecah tanah tambahan kemudahan syarikat Airfoil Services Sdn Bhd di Petaling Jaya semalam.**

Kerajaan Selangor kini dalam proses perbincangan dengan pengeluar pesawat terkemuka Eropah, Airbus bagi meneroka peluang mengembangkan industri aeroangkasa dalam sektor perkhidmatan merungkas pesawat dan komponennya di negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Amirudin Shari berkata, perkembangan itu bakal menjadikan Malaysia sebagai negara pertama di Asia Tenggara menawarkan khidmat terbabit sekiranya ia menjadi kenyataan.

Menurutnya, perbincangan dijangka berlangsung untuk tempoh sekurang-kurangnya lapan bulan atau lebih sebelum sebarang perkara diputuskan.

"Pada masa ini, kami masih dalam proses mengenal pasti lokasi sesuai yang perlu berhampiran dengan landasan kapal terbang khususnya di Sepang dan Subang.

"Apa yang saya boleh kata, di Selangor kita hampir lengkap dengan ekosistem dengan adanya penerokaan ini. Jadi saya rasa perkara ini patut dialu-alukan," katanya pada majlis pecah tanah tambahan kemudahan syarikat Airfoil Services Sdn Bhd semalam.

Amirudin berkata, dalam usaha mengembangkan penglibatan Selangor selaku hab utama dalam industri aeroangkasa dan penerbangan di negara ini, anak-anak syarikat kerajaan negeri kini turut tidak terkecuali dalam meneroka peluang sama.

"Selama berpuluh tahun industri ini bertapak di Selangor, kita tidak mempunyai suntikan kepada kerajaan negeri secara langsung. Jadi kerajaan negeri memang melihat ini dengan membuka beberapa anak syarikat yang sedang meneroka penglibatan dalam industri ini supaya pendapatan dan keuntungan dikongsi bersama rakyat," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Hanya tiga kilang berlesan** |
| **MUKA SURAT** | **33** |

# Hanya tiga kilang berlesen

***MPK periksa 20 kilang ketika operasi di dua kawasan perindustrian***

**AZIE YAHAYA**

**KLANG**

Hanya tiga daripada 20 kilang didapati mempunyai lesen sepanjang operasi penguatkuasaan kilang plastik haram yang dijalankan Majlis Perbandaran Klang (MPK) sejak dua minggu lalu.

Yang Dipertua MPK, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, sehingga kini pihaknya telah menjalankan empat operasi terhadap kilang terbabit di daerah itu.

Menurutnya, operasi dijalankan unit khas penguatkuasaan pemeriksaan pelesenan kilang bagi memantau kewujudan kilang plastik tiada berlesen dan tidak mengikut garis panduan peraturan MPK.

"Sejak dua minggu lalu, unit khas terdiri daripada kakitangan Jabatan Penguatkuasaan, Pelesenan, Kesihatan dan lain-lain ditugaskan untuk memeriksa dari kilang ke kilang serta mengeluarkan kompaun bagi setiap kesalahan.

"Kita telah melancarkan empat operasi dan membuat pemeriksaan ke atas 20 kilang yang dikenal pasti di Kawasan Perindustrian Air Hotam dan Telok Gong di Pelabuhan Klang.

"Daripada jumlah itu hanya tiga kilang mempunyai lesen manakala selebihnya beroperasi tanpa kebenaran. Hasil pemeriksaan di Kawasan Perindustrian Air Hitam, kita mendapati kelima-lima kilang yang diperiksa tiada lesen, manakala hanya tiga daripada 15 kilang di Telok Gong berlesen," katanya.

FOTO: SALURAN KOMUNIKASI MPKLANG

SINAR (33)



**Operasi penguatkuasaan kilang haram dijalankan MPK sejak dua minggu lalu.**

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Penuh MPK di Dewan Mesyuarat Raja Mahadi semalam.

Mohamad Yasid berkata, operasi akan dijalankan setiap hari dalam tempoh tiga bulan berturut-turut.

"Sudah banyak kali kita memberikan peluang kepada pemilik kilang ini untuk memohon lesen tetapi mereka masih berdegil jadi kita terpaksa mengambil tindakan lebih tegas dalam hal ini.

"Sepanjang operasi, unit khas ini akan mengeluarkan kompaun kepada pemilik kilang terbabit yang mana mereka akan berdepan tindakan kompaun sebanyak RM125,000 sekiranya kilang beroperasi tanpa memiliki Sijil Layak Menduduki Bangunan (CF).

"Mereka juga boleh dikompaun RM25,000 jika tiada kebenaran merancang, tidak menjaga kebersihan atau menjalankan pembakaran terbuka di kawasan kilang," katanya.

Beliau berkata, pemilik kilang turut berdepan tindakan mahkamah sekiranya gagal membayar kompaun.

**info**

**Pemilik kilang boleh dikompaun RM25,000 jika tiada kebenaran merancang, tidak menjaga kebersihan atau menjalankan pembakaran terbuka**

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **92 peratus gangguan air di Klang pulih** |
| **MUKA SURAT** | **19** |

SINAR (19)

## 92 peratus gangguan air di Klang pulih

**KLANG** - Bekalan air di 31 kawasan yang terjejas akibat paip bocor dan kerja-kerja pihak ketiga di Persiaran Selangor, Seksyen 15 di sini sejak pagi semalam kembali pulih dengan peratusan pemulihan mencapai tahap 92 peratus.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, hanya Taman Sentosa dan Taman Sri Andalas yang masih dalam proses pemulihan sepenuhnya.

"Hingga jam 12 tengah hari tadi (semalam), bekalan air di kesemua kawasan kembali pulih kecuali dua taman perumahan yang masih dalam proses pemulihan sepenuhnya.

"Hebahan maklumat ini hanya berkaitan dengan pengguna di wilayah Klang yang terjejas ekoran insiden paip pecah di Seksyen 15 Shah Alam.

"Dapatkan maklumat lanjut di laman sesawang *www.syabas.com.my*, aplikasi telefon bimbit Air Selangor, Facebook dan Twitter Air Selangor," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **SINAR HARIAN** |
| **TAJUK BERITA** | **Kerajaan Selangor tambah alat kesan pencemaran sungai** |
| **MUKA SURAT** | **19** |

## Kerajaan Selangor tambah alat kesan pencemaran sungai

**PETALING JAYA** - Kerajaan Selangor sedia memperluaskan pemasangan alat pengesan pencemaran air di kawasan sungai sebagai langkah pemantauan yang lebih menyeluruh bagi mengelakkan berlaku pencemaran sungai sehingga memberi risiko kepada sumber air mentah yang diproses di loji-loji rawatan air.

Menteri Besarnya, Amirudin Shari berkata, pemantauan sedia ada sememangnya dilakukan yang mana ia telah menjadi 'penyelamat' daripada berlaku impak lebih besar dalam insiden pencemaran bau Sungai Semenyih yang dikesan kelmarin.

"Pemantauan kita lakukan sebab itu kita dapat hentikan sebelum ia masuk ke loji rawatan. Kalau tidak lagi susah, bau nak bersihkan lebih sukar.

"Setakat ini kita menggunakan pengesan-pengesan di muka sauk dan mungkin selepas ini kita perlu perluaskan di banyak tempat," katanya ditemui pemberita selepas Majlis Pecah Tanah Projek Tambahan Kilang Airfoil Servives Sdn Bhd semalam.



AMIRUDIN

SINAR (19)

Bagaimanapun Amirudin berkata, agak mustahil untuk kawalan dan pemasangan alat-alat pengesan berkenaan dibuat di sepanjang aliran sungai.

"Sebab itu kita mengharapkan kesedaran masyarakat selain daripada kita telah pasang di muka sauk sebelum ia masuk ke loji rawatan kita dapat mengesan bau atau sebarang perubahan kuantiti kandungan air yang mengalir," katanya.

Mengulas berhubung pencemaran bau yang berlaku di Sungai Semenyih, Amirudin berkata, tahap pencemaran yang berlaku tidak begitu serius sehingga membahayakan pengguna namun kerajaan negeri mengambil langkah wajar bagi memberi keselesaan kepada rakyat secara total.

"Loji telah beroperasi semula bermakna pencemaran sudah dapat dikawal. Setakat semalam (kelmarin) kita mendapati pencemaran itu tidak mencemarkan air tersebut dan merbahaya tetapi ia meninggalkan bau.

"Kesan daripada baru itu meninggalkan bau yang amat busuk. Sebab itu kita hentikan (henti tugas) tetapi sebenarnya ia boleh digunakan. Jadi kerajaan negeri ambil langkah untuk hentikan sebab kita tahu ia tidak selesa digunakan," katanya.

Terdahulu, beberapa kawasan di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang dilaporkan mengalami gangguan bekalan air termasuk tekanan air rendah jam 9 malam kelmarin apabila Loji Rawatan Air Sungai Semenyih (LRA Sungai Semenyih) terpaksa dihenti tugas kerana pencemaran bau yang dikesan di Sungai Semenyih.

Sebelum ini bekalan air mentah di Sungai Semenyih berisiko tercemar akibat pembuangan bahan kimia pada Februari lalu.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Selangor arah kilang ditutup elak pencemaran lebih teruk |
| MUKA SURAT | 19 |

SINAR (19)

## Selangor arah kilang ditutup elak pencemaran lebih teruk

**SHAH ALAM**- Kerajaan Selangor mengarahkan sebuah kilang memproses minyak sawit untuk menghentikan operasi selepas dikesan menyebabkan pencemaran bau di Sungai Semenyih.

Exco Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) dan Hal Ehwal Pengguna Selangor, Hee Loy Sian berkata, arahan henti operasi itu dibuat bagi membendung pencemaran daripada menjadi lebih teruk.

"Langkah pembendungan menggunakan pengaktifan karbon dilakukan oleh Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan pensampelan di lokasi yang ditetapkan antara titik pelepasan kilang sehingga ke Sungai Rinching sejauh 450 meter.

"Sehingga jam 6 pagi tadi (semalam), kesan bau menurun sehingga 0 ton dan LRA Sungai Semenyih telah beroperasi semula dengan pemulihan secara berperingkat di kawasan terjejas," katanya dalam satu kenyataan.

Katanya, jabatan berkaitan sedang meneliti tindakan berkaitan yang boleh di ambil berdasarkan Enakmen LUAS 1999 terhadap pelaku.

"Ia termasuk perintah di bawah Seksyen 121 (1) Enakmen LUAS 1999 yang boleh dikeluarkan kepada pihak kilang supaya menghentikan operasi kerja bagi tujuan melindungi alam sekitar, kesihatan dan keselamatan awam," katanya.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Kilang sawit didakwa jadi punca |
| MUKA SURAT | 19 |

# Kilang sawit didakwa jadi punca

*Pemeriksaan dilakukan JAS dan beberapa agensi semalam*

NORAFIZA JAAFAR & NURHIDAYAH HAIROM

SEMENYIH

SINAR (19)

Sebuah kilang pemprosesan minyak sawit diperiksa selepas dipercayai penyebab kepada pencemaran bau pada sumber air mentah menyebabkan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih diarah menghentikan operasi kelmarin.

Pemeriksaan dijalankan Jabatan Alam Sekitar (JAS), Unit Pengurusan Bencana Selangor, Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat serta Majlis Perbandaran Kajang jam 8.30 pagi semalam.

Sumber JAS berkata, hasil pemeriksaan mendapati tiada sebarang kebocoran dikesan pada saluran paip mahupun perparitan namun tidak menolak bau datangnya daripada kebocoran saluran bawah tanah.

"Mungkin ada paip bawah tanah yang bocor sebab hasil pemeriksaan dijalankan tidak menemukan sebarang kebocoran pada laluan saluran pada kilang tersebut.

"Bagaimanapun sampel tanah pada saluran kilang tersebut telah di ambil bagi tujuan kajian makmal," katanya yang ditemui di lokasi kejadian.



Pagawai JAS ketika melakukan pemeriksaan dan siasatan di kilang terbabit semalam.

Katanya, pencemaran bau yang dimaksudkan adalah minyak sawit yang akan di proses menjadi minyak masak.

"Aduan bau datang daripada orang luar yang bimbang akan kemungkinan pencemaran kimia tapi menurut orang awam bau tersebut normal," katanya.

Difahamkan kemungkinan kilang tersebut diarah henti tugas buat sementara bagi tujuan mengemukakan pelan saluran bagi semakan.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Unit Perancangan Korporat dan Perhubungan Awam MPKj, Kamarul Izlan Sulaiman berkata, pihaknya sedang menunggu laporan lawatan tapak agensi terlibat dan akan memberikan kenyataan berhubung tindakan MPKJ dalam masa terdekat.

Terdahulu Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas), ahli kumpulan Air Selangor mengesahkan pencemaran bau dikesan berlaku di Sungai Semenyih yang mengakibatkan bekalan air bersih di beberapa kawasan sekitar terjejas malam kelmarin.

Beberapa kawasan di Wilayah Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat dan Sepang terkesan dengan gangguan bekalan air dan tekanan rendah jam 9 malam kelmarin.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | SINAR HARIAN |
|---|---|
| TAJUK BERITA | ADUAN |
| MUKA SURAT | 50 |

ADUAN

MOHON perhatian pihak Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) membaik pulih perkataan yang lusuh di sebuah papan tanda petunjuk arah yang terletak di Persiaran Damai, bersebelahan dengan Masjid Negeri Shah Alam. - ***Kamaruddin Hassan, Seksyen 8, Shah Alam***

SINAR (50)



# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| AKHBAR | HARIAN METRO |
|---|---|
| TAJUK BERITA | Sultan Selangor terima tajaan RM1.2 juta |
| MUKA SURAT | 87 |

## Sultan Selangor terima tajaan RM1.2 juta

H.M (87)

Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah semalam berkenan menerima sumbangan penajaan kira-kira RM1.2 juta bagi perlawanan Piala Sultan Selangor 2019 pada 24 Ogos depan di Stadium Shah Alam.

Pengerusi Piala Sultan Selangor 2019, Tan Sri Abd Karim Munisar berkata, baginda menerima sumbangan itu dalam bentuk cek daripada 15 syarikat selain daripada kerajaan Selangor.

"Terima kasih Menteri Besar Selangor yang komited dalam usaha memastikan kejayaan penganjuran Piala Sultan Selangor 2019 melalui sumbangan kerajaan negeri dan anak syarikat kerajaan negeri (GLC) berjumlah RM579,999.99.

"Antara GLC yang menyumbang adalah Perbendaharaan Negeri Selangor, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), KDEB Waste Management, Pemerbadanan Menteri Besar Selangor (MBI) dan Syarikat Pengeluar Air Sungai Selangor (SPLASH) Sdn Bhd.

"Terima kasih juga kepada Menteri Komunikasi dan Multimedia, Gobind Singh Deo yang bersetuju menjadikan Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai penyiar rasmi Piala Sultan Selangor 2019," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Sembah Ucapan pada majlis penyampaian cek sumbangan Piala Sultan Selangor 2019 di Istana Alam Shah Klang, di sini, semalam.



FOTO: SADDAM YUSOFF

**SULTAN** *Sharafuddin (tengah) menerima jersi daripada Karim (kiri).*

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| AKHBAR | HARIAN METRO |
| TAJUK BERITA | Kilang sawit punca pencemaran |
| MUKA SURAT | 2 |

Shah Alam H-M (2)

# Kilang sawit punca pencemaran

Insiden pencemaran bau di Sungai Semenyih, kelmarin, dikenal pasti berpunca dari kilang memproses sawit mentah kepada minyak sawit di sekitar kawasan sungai berkenaan.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Alam Sekitar, Teknologi Hijau, Sains, Teknologi dan Inovasi Selangor, Hee Loy Sian berkata, kerajaan negeri sudah mengarahkan kilang itu menghentikan operasi bagi membendung pencemaran daripada menjadi lebih buruk.

Beliau berkata, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) memulakan langkah pembendungan pencemaran dengan menggunakan *activated carbon* (AC) dan pengambilan sampel dari kilang terbabit sehingga ke Sungai Rinching sejauh 450 meter yang mengalir ke Sungai Semenyih.

"Sehingga jam 6 pagi tadi (semalam), kesan bau menurun kepada 0 ton dan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih kembali beroperasi secara berperingkat," katanya semalam.

Beliau berkata, pencemaran bau yang tinggi di Sungai Semenyih semalam mencapai sehingga tujuh ton dan mengakibatkan LRA Sungai Semenyih dihenti tugas buat sementara waktu.

# KERATAN AKHBAR
# 28 JUN 2019 (JUMAAT)

| | |
|---|---|
| **AKHBAR** | **HARIAN METRO** |
| **TAJUK BERITA** | **Hanya 3 daripada 20 diperiksa ada lesen** |
| **MUKA SURAT** | **2** |

# Hanya 3 daripada 20 diperiksa ada lesen

H.M-(2)

**Klang:** Hanya tiga daripada 20 kilang yang diperiksa unit penguatkuasaan Majlis Perbandaran Klang (MPK), memiliki lesen serta mengikuti peraturan ditetapkan MPK.

Yang dipertuanya, Datuk Mohamad Yasid Bidin berkata, empat operasi mengesan kilang haram dilakukan di Telok Gong dan Taman Perindustrian Air Hitam di sini, oleh dua unit penguatkuasaan ditubuhkan kira-kira dua minggu lalu.

"Sebanyak lima kilang diperiksa di Taman Perindustrian Air Hitam dan kesemuanya tidak mempunyai lesen manakala 15 kilang diperiksa di Telok Gong dengan hanya tiga berlesen.

"Saya terkejut serta kecewa apabila mendapati perkara ini berleluasa di daerah Klang. Justeru kita tidak mahu menangguh lagi perkara ini dengan pemberian notis seperti sebelum ini," katanya selepas mesyuarat penuh MPK, di Bangunan MPK di sini, semalam.



**"Saya terkejut serta kecewa apabila mendapati perkara ini berleluasa di daerah Klang. Justeru kita tidak mahu menangguh lagi perkara ini dengan pemberian notis seperti sebelum ini"**

*Mohamad Yasid Bidin*

Beliau berkata, pemilik kilang mengambil mudah notis yang diberikan sebelum ini kerana penguatkuasaan kurang dijalankan.

Katanya, lebih mengejutkan terdapat kilang baharu yang dibina di kawasan kilang terancang tetapi beroperasi tanpa lesen MPK.

"Setiap minggu ada saja kilang yang memohon lesen dan setiap kali mesyuarat perlesenan diadakan, kita meluluskan antara 40 hingga 50 lesen kilang. Justeru itu, kita tidak sangka masih banyak yang beroperasi tanpa lesen.

"Kita akan laksanakan operasi ini setiap hari selama tiga bulan dan berharap ia dapat menimbulkan kesedaran terhadap pemilik kilang supaya segera memohon lesen daripada MPK jika tidak mahu dikompaun.

"Antara kompaun yang boleh dikenakan kepada pemilik kilang adalah menduduki bangunan tanpa Perakuan Penyiapan dan Pematuhan (CCC) dengan nilai kompaun RM125,000; berniaga atau beroperasi tanpa lesen (RM1,000); bangunan tiada pelan merancang (RM25,000) dan lain-lain," katanya.

Sementara itu, Mohamad Yasid berkata, dua unit penguatkuasaan itu disertai pelbagai jabatan dalaman MPK iaitu perancang, pembangunan, kesihatan, perlesenan serta penguat kuasa.